

KAEDAH PENGUMPULAN DAN PENYEMAKAN DATA DALAM KAJIAN PENGGUNAAN KIT HB&K BAGI MEMUPUK KERJASAMA PELAJAR PISMP-PJJ

Mohd Richard Neles Abdullah
mrichardn33@yahoo.com.my

Abstrak

Makalah ini membincangkan kaedah pengumpulan dan penyemakan data dalam penyelidikan tindakan berkaitan dengan penggunaan Kit Hubungan Baik dan Kerjasama (HB&K) bagi memupuk kerjasama pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan mod Program Jarak Jauh (PISMP-PJJ). Peserta kajian terdiri 22 orang pelajar bagi kursus Elektif Pendidikan Moral. Kajian dilaksanakan apabila saya mendapati dua orang pelajar kursus berkenaan yang langsung tidak memberi kerjasama ketika aktiviti berkumpulan, manakala 20 orang pelajar pula turut mempunyai beberapa kelemahan dalam aspek sama. Data dikumpul melibatkan kaedah pemerhatian (borang senarai semak), borang maklum balas, temu bual tidak berstruktur, dan analisis dokumen (refleksi kerja kursus). Semakan data utama melalui pemerhatian dikelompokkan kepada tema dan kemudian ditriangulasi dengan pelbagai data daripada borang maklum balas (peratus dan tema bagi soalan jenis terbuka), temu bual dan analisis dokumen. Semakan data kajian mendapati sikap bekerjasama dan kemahiran hubungan manusia pelajar dipupuk melalui Kit HB&K. Implikasinya, kajian ini memberi pemahaman lebih jelas mengenai kesahan data dapat dicapai dalam penyelidikan tindakan melalui kaedah triangulasi data daripada pelbagai kaedah pengumpulan data. Bagi kajian kitaran seterusnya, saya bercadang untuk menggunakan kaedah mengumpul dan menyemak data yang sama tetapi ditambah baik dengan menggunakan triangulasi masa semasa kajian.

Kata kunci: kerjasama, pengumpulan data, penyemakan data, triangulasi, Kit HB&K

Abstract

This paper discusses methods of collecting and checking data in an action research conducted in relation to the use of Good Relations & Cooperation's (GR&C) Kit in fostering cooperation among students of Bachelor of Teaching Program, *PISMP-PJJ* mode. The research participants comprised 22 students of Moral Education elective course. The research was carried out when the I found two students from the said course who did not cooperate during group activities, and the other 20 students also has some weaknesses in the same area. The data were collected using observation (a checklist), feedback forms, unstructured interviews, and document analysis (reflection of coursework). The primary data cheched using observations were grouped into themes and then triangulated with multiple data from feedback forms (percentage and themes for open-ended questions), interview and document analysis. The cecking of the data showed that the behavior of cooperation and human relations skills among students were nurtured by GR&C's Kit. This study gives a clearer understanding on the validity of data that can be achieved in action research through data triangulation of various data collection methods. For the next cycle of study, I intend to use the same method of collecting and checking data but improved by using time triangulation during research.

Keywords: cooperation, data collecting, data checking, triangulation, GR&C's Kit

PENGENALAN

Refleksi Pengalaman Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan

Saya merupakan seorang pensyarah akademik di Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan dan mengajar kelas gabungan kumpulan B1 dan B2 (Kelas samaran) bagi kursus Elektif ELM3033E. Masalah utama pelajar saya yang dikenal pasti ialah mereka lemah bekerjasama dan berkomunikasi interpersonal semasa melaksanakan kerja kumpulan. Ini berlaku walaupun saya telah membuat persediaan sebaik mungkin untuk mengajar bab demi bab yang keseluruhannya terdiri daripada lima bab berpandukan Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) yang disediakan oleh IPGM.

Masalah pelajar berkenaan diperoleh daripada pemerhatian serta jawapan kepada soalan jenis terbuka yang dikemukakan bagi menyiasat sikap bekerjasama dua orang pelajar tersebut pada sesi kedua perbincangan kumpulan. Pemerhatian telah dilakukan ketika mereka melaksanakan tugas kumpulan (perbincangan kumpulan serta pembentangan kumpulan) pada sesi pertama (17 Januari 2015). Manakala soalan jenis terbuka diberi kepada setiap pelajar bagi menyatakan secara ringkas pandangan mereka mengenai tingkah laku bekerjasama ahli kumpulan pada sesi kedua perbincangan kumpulan (7 Februari 2015).

Semakan jawapan kepada soalan jenis terbuka menunjukkan tingkah laku tidak bekerjasama semasa perbincangan kumpulan bagi dua orang pelajar berkenaan. Saya merasa amat kecewa dengan sikap dua orang khususnya dan keseluruhan 20 orang pelajar lainnya dari gabungan kelas B1 dan B2 (kelas samaran) kerana aktiviti perbincangan dan pembentangan keseluruhannya amat pasif. Saya mendapati dua orang pelajar tersebut khasnya memencilkan diri dan tidak selesa berkomunikasi atau berkumpul dengan ahli kumpulannya. Rakan-rakan yang lain pula menunjukkan kecenderungan yang sama. Ini adalah berdasarkan pemerhatian dan analisis jawapan soalan terbuka rakan sekumpulan (bagi dua orang peserta utama).

Semakan sikap tidak bekerjasama dua orang pelajar tersebut dalam aktiviti kumpulan masing-masing adalah berdasarkan soalan “Bagi penama (), adakah dia memberikan kerjasama dalam aktiviti berkumpul?. Jika tidak, beri komen anda.” Respons jawapan terbuka rakan sekumpulan Wanna bernama Endi (nama samaran) ialah “*Wanna sangat susah dibawa berbincang dan mementingkan diri sendiri. Saya sangat tidak suka pada dia kerana mementingkan diri sendiri dan tidak suka berbincang dengan kami.*” Manakala, respon jawapan rakan sekumpulan Tuwwa bernama Duwoh (nama samaran) pula ialah, “*Saya tak suka Tuwwa kerana tidak pernah beri idea semasa perbincangan dalam kumpulan. Pentingkan diri. Dengar dia*

bercakap...sorrylah.” Data daripada soalan jenis terbuka rakan sekumpulan tentang dua orang pelajar memang selari dengan pemerhatian saya.

Daripada refleksi berkenaan, saya mengesan beberapa masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) tersebut. Saya juga mengesan kelemahan sendiri dalam PdP tersebut. Teknik yang saya gunakan semasa pengajaran melalui strategi aktiviti kumpulan tidak sesuai menyebabkan pelajar yang *introvert* tidak dapat bekerjasama dan berkomunikasi secara aktif ketika aktiviti dijalankan. Kesan negatif ini menyebabkan perbincangan dalam kumpulan menjadi hambar.

Masalah ini berlaku dalam kalangan dua orang pelajar *introvert* yang dikaji kerana pelajar tersebut tidak didedahkan dengan kemahiran asas berkomunikasi dan ilmu hubungan manusia. Kedapatan pelajar yang tidak didedahkan dengan kemahiran bersosial kerana lahir daripada latar belakang keluarga yang kurang berpelajaran, bermasalah atau tidak bergaul dengan masyarakat setempat. Selain itu, saya kurang empati terhadap kehendak semua pelajar yang seharusnya diberi penghargaan, rasa diterima dan memiliki rasa kekitaan terhadap kumpulan pengajian mereka. Saya juga kurang menyediakan sesi PdP yang menyeronokkan pelajar.

Bagi mengatasi masalah ini, saya telah cuba mendedahkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran asas komunikasi *interpersonal* dan hubungan manusia. Para pelajar perlu memahami kepentingan kemahiran asas hubungan sesama manusia. Seterusnya, kelemahan penyelidik dalam berempati dengan pelajar yang *introvert* dan kurang memberi penghargaan perlu diatasi dengan kaedah yang sesuai agar mereka dapat merasa dihargai, diterima dan memiliki rasa kekitaan terhadap kumpulan perbincangan dan kumpulan pengajian mereka. Justeru, penyelidik menggunakan kaedah ceramah pendek menggunakan Kit Hubungan Baik dan Kerjasama (HB&K) dalam membantu pelajarnya. Adalah diharapkan kajian ini akan mencapai matlamat bagi meningkatkan tahap kerjasama dalam aktiviti kumpulan dan komunikasi *interpersonal* serta kemahiran hubungan manusia dalam kalangan pelajar khususnya dua orang pelajar *introvert* dan 20 orang pelajar yang lain daripada gabungan kumpulan B1 dan B2 yang mengambil kursus elektif ELM3033E.

Objektif Penulisan Makalah

Fokus utama makalah ini ditulis adalah untuk mengimbas kembali penggunaan kaedah pengumpulan dan penyemakan data dalam penyelidikan tindakan (PT) yang saya laksanakan. Perkongsian mengenai kaedah pengumpulan dan penyemakan data ini diharap dapat membantu para penyelidik yang baharu berjinak-jinak, mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk digunakan bagi mengumpul dan menganalisis data PT mereka.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut Kemmis dan McTaggart (1988) (dalam Hopkins, 2008), PT adalah suatu pendekatan bagi menambah baik atau memperbaiki pendidikan dengan cara melakukan perubahan dan mempelajarinya akibat daripada perubahan tersebut. Antara konsep penting PT ialah, ianya dilakukan secara kolaboratif iaitu melibatkan mereka yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tindakan dan bagi memperbaiki suatu amalan pendidikan.

Ebbutt (1985) menjelaskan PT merupakan satu pendedahan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia mengubah amalan.

Bagi tujuan kajian ini, saya menggunakan kaedah ceramah pendek menggunakan Kit HB&K. Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat dan Abd. Razak Zakaria (2013) menjelaskan bahawa pengajaran adalah satu proses yang kompleks yang dipenuhi dan dipengaruhi oleh pelbagai unsur, termasuk kualiti pengajar, kecerdasan, bakat, minat, pengaruh motivasi, persekitaran tempat belajar dan dorongan ibu bapa terhadap pelajar. Oleh itu, bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar, pelbagai strategi dan kaedah boleh diguna pakai. Antaranya adalah melalui penggunaan ceramah pendek menggunakan kit pembelajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001; Noor Azean Atan & T. Komate Tambai @ Muniandy, 2008). Carnegie (2010) menyatakan bahawa ceramah pendek menggunakan buku berkaitan sesuatu bidang ilmu dan pembacaan sendiri sesuatu buku, dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu bidang kemahiran atau kandungan pembelajaran. Penggunaan kit mempunyai perkaitan yang rapat dengan pembacaan sendiri kerana ianya mempunyai unsur nota ringkas. Dapatan Carnegie disokong dengan dapatan PT oleh Mohd Richard Neles Abdullah (2014) yang mendapati bahawa kaedah ceramah pendek dan pembelajaran sendiri pelajar menggunakan buku motivasi berunsur hubungan manusia dapat meningkatkan tingkah laku bekerjasama dan kemahiran komunikasi interpersonal pelajar introvert dalam aktiviti kumpulan.

Berhubung dengan aspek sikap *introvert* dan *extrovert*, kajian Fotion (2000) mendapati ada pelajar yang mempunyai sikap merasakan dirinya adalah orang yang paling hebat dan paling benar (solipsisme). Solipsisme atau merasa paling benar seharusnya dielakkan. Pandangan ini boleh menghapuskan kemungkinan komunikasi. Cuba bayangkan, jika anda telah merasa paling benar, mengapa perlunya berkomunikasi untuk bertukar idea dengan orang lain? Individu seperti ini sekiranya berkomunikasi pun, hanya

akan ingin mengkritik, mengeluh atau mencerca. Orang lain akan dianggap salah jika tidak sependapat dengannya. Oleh itu, solipsisme merupakan tingkah laku yang tidak sepatutnya diikuti jika ingin disenangi oleh orang lain. Lawan kepada solipsisme ialah fabilisme yang berupa pemahaman bahawa semua orang adalah lebih baik daripada diri sendiri. Fabilisme membuka ruang untuk perubahan dan dialog kerana membina syarat-syarat pertumbuhan gagasan berterusan (Fotion, 2000; Hopkin, 2008). Berdasarkan kerangka pemikiran fabilisme, saya telah menyediakan rancangan tindakan dan melaksanakan tindakan dalam kajian ini.

Berkaitan dengan amalan hubungan baik dan kerjasama, Dra. M.M Nilam Widyarini (2011) dan Carnegie (2010) sepakat menyatakan "hubungan yang baik dan kerjasama menghasilkan rasa kedamaian dan perasaan positif terhadap diri dan dunia. Tiada orang yang berasa selesa dalam situasi kehidupan yang tidak memiliki hubungan yang baik dengan orang lain, bahkan ia boleh menyumbang kepada depresi (kemurungan)." Bahkan, menurut mantan Presiden Amerika Syarikat iaitu Theodore Roosevelt dalam Maxwell (2011, ms 26), "rahsia kejayaan paling penting adalah tahu bagaimana mahu mempunyai hubungan yang baik dengan orang lain."

Bagi tujuan kaedah memungut dan menyemak data, kaedah triangulasi kaedah dan sumber digunapakai dalam kajian ini. Dalam PT, penganalisan data dilakukan secara induktif yang antara lain merangkumi: melihat bidang atau kumpulan data, mengorganisasikan perkara yang diperhatikan kepada kumpulan, perkara yang sama dikodkan dan dipindahkan kepada kategori dan kategori-kategori memerlukan fleksibiliti kerana data seterusnya mungkin akan berubah kategorinya secara semulajadi (Rusli Ahmad, Hasbee Usop, Azman Ismail, Sopian Bujang & Nur Naha Abu Mansor, 2014). Beberapa teknik dalam menyemak data iaitu; semakan menggunakan *pattern*, kandungan data, aspek yang tidak diandaikan, isu, perbincangan kumpulan dan penggunaan komputer seperti penggunaan SPSS. Menurut Chuah (2005) "*kejayaan dan kegagalan tindakan guru serta pencapaian pelajar tidak semestinya dalam bentuk angka sahaja. Data jenis kualitatif seperti keyakinan, aktif, gembira, keupayaan menulis abjad berbanding dengan dahulu juga merupakan indikator-indikator kepada guru dan penyelidik.*" Ini lebih menjadi makna kerana PT menyokong interpretasi tentang apa yang berlaku daripada perspektif mereka yang terlibat dan yang berinteraksi antara satu sama lain, seperti, antara pelajar dan guru-guru.

Triangulasi kaedah merujuk kepada penggunaan lebih daripada satu kaedah untuk mengumpul data. Manakala, triangulasi data melibatkan pengumpulan data melalui beberapa strategi persampelan, agar pungutan data pada masa dan situasi sosial yang berbeza dan terhadap individu berbeza, dapat dikumpulkan (Denzin & Lincoln, 2011).

Berdasarkan cetusan idea daripada kajian literatur, saya telah menyediakan enam set kit HB&K untuk diedarkan kepada setiap kumpulan pelajar (enam kumpulan dibentuk) dalam kelas gabungan B1 dan B2. Kesemua pelajar yang merupakan sasaran kajian tidak menyedari yang mereka dikaji. Kit HB&K yang dibina daripada bekas keropok kotak (pringles) diletakkan nota ringkas berupa prinsip-prinsip asas kemahiran hubungan manusia yang terdiri daripada ilmu Hubungan Baik (HB) dan Kerjasama (K). Kotak besar mengandungi nota ringkas mengenai 'Perkara perlu dilakukan supaya disukai' dan kotak kecil pula mengandungi 'Teknik asas menangani manusia.' Kedua-dua kotak yang membentuk kit HB&K mengandungi ringkasan bagi sembilan prinsip asas kemahiran hubungan manusia yang dikemukakan oleh Carnegie (2010) dalam kajiannya. Prinsip-prinsip tersebut ialah: (1) Elakkan daripada mengkritik, mencerca dan mengeluh; (2) Berikan penghargaan yang jujur; (3) Bangkitkan minat dalam diri orang lain; (4) Bersungguh-sungguh menaruh minat pada orang lain; (5) Senyum; (6) Ingat nama setiap individu; (7) Jadi pendengar yang baik; (8) Berbicara mengenai minat orang lain; dan (9) Buat orang lain berasa penting dan lakukannya dengan tulus.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Data Sebelum Tindakan (Ceramah menggunakan Kit HB&K)

Pemerhatian Berbantuan Borang Senarai Semak. Saya menggunakan tempoh selama sejam untuk memberi ceramah pendek menggunakan Kit HB&K sebaik sahaja bahan tersebut diedarkan kepada pelajar dalam kumpulan masing-masing. Saya turut menyediakan borang senarai semak sebagai instrumen pemerhatian tingkah laku bekerjasama semasa sesi perbincangan kumpulan yang dilaksanakan pada sesi pertama perbincangan kumpulan (17 Januari 2015) sebelum sesi ceramah pendek menggunakan kit HB & K dilaksanakan pada sesi ketiga pada 7 Mac 2015.

Berdasarkan pemerhatian awal yang saya perolehi, saya telah mengenal pasti dan memilih dua orang pelajar (peserta utama) dari gabungan Kumpulan B1 dan B2 iaitu Wanna dan Tuwwa (nama samaran) sebagai peserta kajian. Jadual 1 menunjukkan tingkah laku Wanna dan Tuwwa semasa pemerhatian awal saya bagi mengenal pasti peserta utama kajian ini.

Mohd Richard Neles Abdullah/ Kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian penggunaan Kit HB&K bagi memupuk kerjasama pelajar PISMP-PJJ

Jadual 1

Masalah Tingkah Laku Yang Dikenal Pasti Semasa Aktiviti Kumpulan (17 Jan. 2015)

Bil	Tingkah laku	Wanna	Tuwwa	Jumlah
1	Membuat tugas sendiri sahaja	X	X	2
2	Memberi tepukan kepada rakan yang selesai membentang tugas kumpulan			
3	Bercakap dengan ahli kumpulan			
4	Memberi idea dalam perbincangan aktiviti kumpulan			
5	Menulis pada kertas tugas kumpulan			
6	Duduk dalam kumpulan dengan selesa	X	X	2
7	Menulis di buku/kertas sendiri	X	X	2
8	Senyum dengan rakan-rakan sekumpulan			
9	Turut serta dalam pembentangan kumpulan			
10	Membuat kerja sendiri semasa aktiviti kumpulan		X	1

Maklum Balas Rakan Sekumpulan Melalui Borang Soalan Terbuka.

Pada 7 Februari 2015 iaitu sesi kedua aktiviti kumpulan, borang soalan terbuka mengenai 'rakan sekumpulan yang tidak bekerjasama semasa aktiviti berkumpul beserta komen' dikutip jawapannya. Sesi ulangan ceramah pendek menggunakan kit HB&K (kali kedua) dan perbincangan mengenai sembilan prinsip asas hubungan manusia turut dilaksanakan pada sesi ketiga bertarikh 7 Mac 2015.

Data Selepas Tindakan (Ceramah menggunakan Kit HB&K)

Saya menggunakan senarai semak semasa pemerhatian, soalan jenis terbuka, temu bual dan gambar bagi mengumpul data kajian ini.

Senarai semak. Saya menggunakan senarai semak bagi mencatat maklumat yang diperhatikan seperti tingkah laku dua orang pelajar yang *introvert* semasa pelaksanaan aktiviti kumpulan. Melalui senarai semak ini, saya juga dapat mengetahui aspek yang perlu dipupuk bagi amalan bekerjasama dalam aktiviti kumpulan pada peringkat awal.

Soalan jenis terbuka. Saya turut memberikan soalan jenis terbuka bagi meninjau sikap pelajar (sebelum memulakan PdP pada masa kuliah) terhadap penerimaan dan penglibatan dalam aktiviti kumpulan. Sesi ini dilaksanakan sebanyak dua kali. Kali pertama adalah bagi menyiasat tingkah laku pelajar sebelum kit HB&K digunakan (17 Januari 2015), manakala sesi kedua dilaksanakan setelah kit digunakan selama sebulan (28 Mac 2015).

Temu bual. Penggunaan temu bual untuk mengumpul data bagi PT ini turut saya gunakan. Ianya merupakan satu kaedah yang amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk sikap, pemikiran, nilai dan pendapatnya. Temu bual melibatkan perbualan antara saya dengan pelajar dan peserta kajian untuk memperoleh maklumat yang relevan dengan kajian ini. Temu bual merupakan satu kaedah yang membolehkan Jurnal Penyelidikan Tindakan IPGK BL Tahun 2015, 9, 26-41.

Mohd Richard Neles Abdullah/ Kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian penggunaan Kit HB&K bagi memupuk kerjasama pelajar PISMP-PJJ

seseorang penyelidik memperoleh maklumat kajian secara mendalam kerana ianya melibatkan hubungan bersemuka secara langsung dengan peserta kajian (McNiff, 2002).

Gambar. Saya telah mengambil gambar bagi mengumpul data kajian ini. Gambar-gambar berkaitan telah diambil sepanjang pelaksanaan penyelidikan.

Borang maklum balas. Borang maklum balas (Rajah 1) diberikan kepada pelajar selepas saya memberikan kuliah terakhir iaitu pada interaksi yang kelima bertarih 11 April 2015.

Rajah 1. Borang maklum balas diberi pada interaksi terakhir (selepas kuliah)

Berikut merupakan data yang telah dikutip berkenaan dengan respon daripada sembilan orang pelajar bagi soalan jenis terbuka, iaitu sebahagian daripada Borang Maklum Balas Ceramah Kit HB&K dengan soalan “Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada):

- (1) “Ada. Saya menjadi lebih bijak dalam menangani hubungan manusia.”
- (2) “Ya,dapat membantu menarik minat belajar kerana nota ringkas dan jelas.”
- (3) “Membantu dan memberi idea bagi cara-cara untuk membina bahan-bahan BBM saya.”
- (4) “Tidak boleh mementingkan diri sendiri, sentiasa senyum dengan orang lain dan sentiasa mendengar cerita orang lain supaya orang suka pada kita.”
- (5) “Pensyarah ini telah menggunakan Kit HB&K dan memberi idea dan pengajaran yang lebih menarik dan berkesan.”
- (6) “Menambahkan keyakinan saya.”
- (7) Yap (nama samaran), “melalui aplikasi Kit HB&K, saya telah mendapat banyak faedah. Pertama ialah kawan saya menjadi lebih banyak, saya selalu senyum terhadap orang lain. Selain itu, ramai kawan-kawan saya suka dengan saya dan kawan memberi keyakinan kepada saya. Saya akan terus mengamalkan prinsip-prinsip HB&K.”
- (8) Daphne (nama samaran), “Dengan mengaplikasikan prinsip ini, saya mampu bergaul dan berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling dengan lebih berkesan. Pergaduhan dan perselisihan faham dapat dikurangkan. Banyak aktiviti kelas dapat dijalankan dengan lebih lancar.”
- (9) Ah Ngui (nama samaran). “Hubungan saya dengan kawan dan ahli keluarga menjadi lebih baik. Emosi dan fikiran saya bertambah baik.

Rata-rata mereka dalam sesi interaksi mengatakan bahawa mereka akan cuba menerapkan kit HB&K ini di tempat mereka akan mengajar nanti. Bahkan, kedapatan beberapa orang pelajar guru tersebut acapkali mengucapkan terima kasih kepada saya yang menunjukkan kemahiran asas hubungan manusia dan nilai bekerjasama melalui Kit HB&K.

KAEDAH PENYEMAKAN DATA

Saya telah meneliti dan membuat semakan kandungan terhadap senarai semak, jawapan bagi soalan jenis terbuka, hasil temu bual dan gambar bagi mengenal pasti masalah (pada peringkat awal sebelum penggunaan Kit HB&K) serta kesan tindakan (selepas penggunaan Kit HB&K) terhadap para pelajar. Di samping itu, saya menggunakan analisis pola persamaan dan perbezaan untuk mengenal pasti kekerapan kelemahan tingkah laku yang menjurus kepada kerjasama dalam kumpulan. Berdasarkan semakan ini, saya dapat mengetahui kelemahan pelajar bagi aspek kerjasama.

Teknik Menyemak Data

Dalam PT ini, saya menggunakan dua jenis triangulasi iaitu triangulasi antara kaedah dan sumber bagi menyemak silang data yang diperolehi. Triangulasi antara kaedah dibuat atas maklumat yang diperolehi melalui senarai semak, analisis maklum balas dan temu bual. Maklumat tersebut membolehkan saya melakukan perbandingan kesan tindakan terhadap dua orang pelajar utama sebelum dan selepas menggunakan kit HB&K. Pemilihan triangulasi sumber dibuat adalah kerana kebimbangan data yang penyelidik periksa tidak tepat dan kesahannya dapat dipertikaikan kerana berasaskan pandangan saya sahaja. Oleh itu, triangulasi sumber dibuat dengan memperoleh pandangan salah seorang pensyarah Jabatan Sains Sosial yang berpengalaman dan yang mengkhusus dalam Kursus Hubungan Etnik dan Komunikasi (Kemahiran Interpersonal) bagi memastikan kesahan data.

Jadual 2

Pemupukan Sikap Bekerjasama Yang Dikenal Pasti Semasa Aktiviti Kumpulan (28 Mac 2015)

Bil	Tingkah laku	Wanna	Tuwwa	Jumlah
1	Membuat tugas sendiri sahaja			0
2	Memberi tepukan kepada rakan yang selesai membentangi tugas kumpulan	X	X	2
3	Bercakap dengan ahli kumpulan	X	X	2
4	Memberi idea dalam perbincangan aktiviti kumpulan	X	X	2
5	Menulis pada kertas tugas kumpulan	X	X	2
6	Duduk dalam kumpulan dengan selesa	X	X	2
7	Menulis di buku/kertas sendiri	X		1
8	Senyum dengan rakan-rakan sekumpulan	X	X	2
9	Turut serta dalam pembentangan kumpulan	X	X	2
10	Membuat kerja sendiri semasa aktiviti kumpulan			0

Pada 28 Mac 2015, saya telah mengulangi sekali lagi ceramah pendek menggunakan sembilan prinsip komunikasi interpersonal dan hubungan manusia menggunakan Kit HB&K. Pada kali ini, sesi soal jawab dan pemahaman kemahiran komunikasi *interpersonal* dan hubungan manusia yang dihuraikan dalam buku tersebut dilakukan. Kelihatan beberapa orang pelajar memberikan respons positif pada pelajaran yang diperoleh daripada sesi ceramah pendek dan pembacaan sendiri. Tuwwa yang merupakan peserta kajian memberitahu, *“tersangat banyak skill hubungan manusia penting yang saya tidak tahu dulu mula mengubah hidup saya. Bergaul dan bermain dengan rakan bukan masalah saya lagi, sir!”*

Saya telah melaksanakan temu bual dengan peserta kajian bagi mendapatkan maklum balas tentang penggunaan kaedah ceramah pendek menggunakan Kit HB&K. Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan transkrip temu bual antara saya dengan para peserta kajian pada 11 April 2015.

<p>Saya : Bagaimanakah perasaan Wanna setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K? Wanna: Prihatin mengenai hubungan baik dengan orang, sir. Saya: Adakah Kit ini memberi kesan kepada Wanna dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan? Wanna: Ya, ada. Saya: Apakah kesannya? Wanna: Lebih tahu tatacara dan keperluan manusia dan menjadikan saya lebih peka dan mampu menyenangkan hati rakan-rakan sekumpulan. Saya telah pandai berinteraksi dan puji kawan-kawan, sir. Saya: Dulu sebelum cikgu beri ceramah guna Kit HB&K, Wanna tak tau ilmu asas hubungan manusia? Wanna: Sikit jer, sir. Kini baru saya faham yang manusia ini beremosi. Sangat banyak membantulah buku ni.</p>
--

Rajah 2. Transkrip temu bual antara saya dengan Wanna (11 April 2015)

<p>Saya : Bagaimanakah perasaan Tuwwa setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K? Tuwwa: Suka sangat, peka untuk nak berhubungan dengan orang, sir. Saya: Adakah Kit ini memberi kesan kepada Tuwwa dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan? Tuwwa: Mestilah, sir. Saya: Apakah kesannya? Tuwwa: Saya pandai puji dan buat kawan happy, selalu hargai kawan-kawan sekumpulan dan banyak lagilah, sir. Saya: Dulu sebelum cikgu beri ceramah guna Kit HB&K, Tuwwa tak tau ilmu asas hubungan manusia? Tuwwa: Tau sikit tapi tak berapa nak jelas, sir. Sekarang lebih faham...manusia ni beremosi, so banyak ilmu hubungan manusia saya dapat. Bagus sangat Kit HB&K ni sir.</p>

Rajah 3. Transkrip temu bual antara saya dengan Tuwwa (11 April 2015)

Berdasarkan temu bual tersebut, peserta kajian didapati telah berjaya memupuk tingkah laku bekerjasama dalam kumpulan ketika aktiviti kumpulan dilaksanakan semasa P&P kursus ELM3033E. Kedua-dua orang peserta mengatakan bahawa penggunaan ceramah pendek menggunakan Kit HB&K telah memudahkan mereka memahami dan mengaplikasikan asas hubungan manusia yang baik semasa aktiviti kumpulan. Begitu juga dengan 20 pelajar yang lain. Peranan mereka sebagai ahli kumpulan bersama ketika aktiviti kumpulan dilaksanakan dengan baik.

Daripada pemerhatian, jawapan kepada soalan terbuka, semakan senarai semak, temu bual dan analisis borang maklum balas, dapatlah dikatakan bahawa Wanna, Tuwwa dan keseluruhan 20 orang pelajar yang Jurnal Penyelidikan Tindakan IPGK BL Tahun 2015, 9, 26-41.

lain telah mampu memupuk sikap bekerjasama mereka dalam aktiviti kumpulan. Mereka kelihatan seronok, lebih yakin dan selesa menyertai aktiviti kumpulan berbanding sebelum ini. Secara keseluruhannya, kaedah penggunaan ceramah menggunakan Kit HB&K dapat membantu peserta kajian ini memupuk sikap bekerjasama dalam aktiviti kumpulan dan pembentangan kumpulan.



Rajah 4. Sesi ceramah pendek menggunakan Kit HB&K pada 7 Mac 2015 (Interaksi ketiga)

Para pelajar juga menunjukkan keseronokan dan kesungguhan mereka semasa aktiviti berkumpulan. Ini jelas pada jawapan yang mereka berikan semasa saya mengemukakan soalan “Adakah anda suka dan selesa dengan aktiviti berkumpulan?” pada 11 April 2015. Ini dilakukan setelah saya melaksanakan ceramah pendek menggunakan Kit HB&K kepada 22 orang pelajar sebanyak dua kali. Wanna menjawab, “*saya suka sangat dah tahu jaga hati kawan tak sakiti hati kawan.*” Tuwwa juga menjawab, “*Happy sangat buat aktiviti berkumpulan. Semua suka membantu bila kerja kumpulan.*” Begitu juga dengan Teega (nama samaran) yang menyatakan bahawa “*Aktiviti kumpulan memang best giler. Banyak sumbangan rakan-rakan, banyak ketawa-ketawa dan dapat banyak idea. Saya rasa dihargai dan diterima sentiasa.*”

Pada 28 Mac 2015, rakan sekumpulan sekali lagi diminta menjawab soalan terbuka dengan soalan “(*nama seorang guru pelatih termasuk peserta kajian/seorang guru pelatih mendapat satu nama sahaja*) boleh bekerjasama dalam kumpulan atau tidak boleh bekerjasama selepas hampir dua setengah bulan belajar bersama bagi kursus ELM3033E?. Beri komen anda.” Respons jawapan Jenny (nama samaran) terhadap Wanna adalah, “*Dulu Wanna ni tak suka bercakap tapi kini sudah mula sama-sama bagi idea dan sumbangan. Sudah pandai bergaul dah dia ni.*” Peter (nama samaran) memberi respons tentang Tuwwa, “*Dulu Tuwwa ni diam-diam jer...macam malas nak bercakap dengan kami. Dia sekarang suka beri sumbangan dan cadangan dalam kumpulan. Bagus dah dia sekarang.*” Respons Najwa (nama samaran) terhadap Limoh (nama samaran) pula ialah, “*Dia sudah mesra dan pandai berbual-bual masa kerja kumpulan. Berbeza dari segi bergaul dia sekarang. Saya senang dengan dia sekarang.*”

Mohd Richard Neles Abdullah/ Kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian penggunaan Kit HB&K bagi memupuk kerjasama pelajar PISMP-PJJ



Rajah 5. Aktiviti pembentangan kumpulan pada 28 Mac 2015 (selepas tindakan)

Pada 11 April 2015 iaitu interaksi kelima (kuliah terakhir), pelajar diberikan borang maklum balas (Rajah 6) untuk diisi sebaik sahaja selepas selesai sesi kuliah. Borang maklum balas tersebut mengandungi soalan mengenai persepsi dan impak penggunaan ceramah pendek menggunakan Kit HB&K dalam P&P bagi kursus ELM3033E yang terdiri daripada skala likert 5 mata dan soalan jenis terbuka.

<p>menyebut ceramah menggunakan Kit HB&K. Adakah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p><i>Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p> <p>Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p>Soalan jenis terbuka Ar: Sila beri jawapan anda secara ringkas bagi kenyataan di bawah (Jika ada). Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i> Cadangan penambahbaikan ceramah ilmu kemahiran asas hubungan manusia dan kerjasama menggunakan Kit HB&K. (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p>	<p>menyebut ceramah menggunakan Kit HB&K. Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p>Soalan jenis terbuka Ar: Sila beri jawapan anda secara ringkas bagi kenyataan di bawah (Jika ada). 1. Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i> 2. Cadangan penambahbaikan ceramah ilmu kemahiran asas hubungan manusia dan kerjasama menggunakan Kit HB&K. (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p>
<p>tinggal lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p>Soalan jenis terbuka Ar: Sila beri jawapan anda secara ringkas bagi kenyataan di bawah (Jika ada). Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i> Cadangan penambahbaikan ceramah ilmu kemahiran asas hubungan manusia dan kerjasama menggunakan Kit HB&K. (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p>	<p>tinggal lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p>Soalan jenis terbuka Ar: Sila beri jawapan anda secara ringkas bagi kenyataan di bawah (Jika ada). Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i> Cadangan penambahbaikan ceramah ilmu kemahiran asas hubungan manusia dan kerjasama menggunakan Kit HB&K. (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p>
<p>mengatakan perhubungan baik dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p>Soalan jenis terbuka Ar: Sila beri jawapan anda secara ringkas bagi kenyataan di bawah (Jika ada). 1. Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i> 2. Cadangan penambahbaikan ceramah ilmu kemahiran asas hubungan manusia dan kerjasama menggunakan Kit HB&K. (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p>	<p>mengatakan perhubungan baik dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p>Soalan jenis terbuka Ar: Sila beri jawapan anda secara ringkas bagi kenyataan di bawah (Jika ada). Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i> Cadangan penambahbaikan ceramah ilmu kemahiran asas hubungan manusia dan kerjasama menggunakan Kit HB&K. (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p>
<p>menyebut ceramah menggunakan Kit HB&K. Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p>Soalan jenis terbuka Ar: Sila beri jawapan anda secara ringkas bagi kenyataan di bawah (Jika ada). 1. Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i> 2. Cadangan penambahbaikan ceramah ilmu kemahiran asas hubungan manusia dan kerjasama menggunakan Kit HB&K. (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p>	<p>menyebut ceramah menggunakan Kit HB&K. Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasi saya untuk melakukan apa sahaja tugasan dan aktiviti dalam kehidupan</p> <p>Soalan jenis terbuka Ar: Sila beri jawapan anda secara ringkas bagi kenyataan di bawah (Jika ada). 1. Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i> 2. Cadangan penambahbaikan ceramah ilmu kemahiran asas hubungan manusia dan kerjasama menggunakan Kit HB&K. (Nyatakan jika ada). <i>Ya, kerana saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K</i></p>

Rajah 6. Borang maklum balas yang telah diisi oleh pelajar pada interaksi kelima (selepas kuliah terakhir) pada 11 April 2015

Pada keseluruhannya, pelajar memberi tahap persepsi yang sangat baik terhadap sesi ceramah menggunakan Kit HB&K (Jadual 3). Hanya kepadatan tiga aspek di mana terdapat seorang pelajar bagi setiap aspek yang memberi tahap setuju (skala 4). Manakala bagi aspek yang lain, kesemuanya mendapat 100% tahap sangat setuju (skala 5).

Jadual 3

Analisis Borang Maklum Balas Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Ceramah Menggunakan Kit HB&K

Bil.	Item	1	2	3	4	5
1	Penceramah melaksanakan ceramah dengan terancang	0	0	0	0	22 (100%)
2	Penceramah memberikan ceramah dengan jelas	0	0	0	0	22 (100%)
3	Kaedah penyampaian ilmu kemahiran asas hubungan manusia menggunakan Kit HB&K menarik minat saya	0	0	0	1 (4.54%)	21 (95.45%)
4	Kaedah penyampaian ilmu kemahiran asas hubungan manusia menggunakan Kit HB&K menyeronokkan	0	0	0	0	22 (100%)
5	Kaedah penyampaian ilmu kemahiran asas hubungan manusia menggunakan Kit HB&K memudahkan pemahaman saya mengenai kemahiran asas berhubung dengan orang lain	0	0	0	0	22 (100%)
6	Saya mempunyai kesedaran yang lebih baik mengenai cara menjalinkan perhubungan baik dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K	0	0	0	0	22 (100%)
7	Saya lebih yakin untuk menjalinkan hubungan dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K	0	0	0	0	22 (100%)
8	Saya lebih yakin untuk bekerjasama dengan orang lain setelah mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K	0	0	0	1 (4.54%)	21 (95.45%)
9	Ceramah menggunakan Kit HB&K ini memotivasikan saya untuk melakukan apa sahaja tugas dan aktiviti dalam kehidupan	0	0	0	1 (4.54%)	21 (95.45%)

Analisis pemberian tema. Tema-tema dapatan daripada soalan jenis terbuka (*open-ended questions*) dikelompokkan kepada:

1. Kesan ceramah menggunakan Kit HB&K kepada pelajar sebagai individu:
 - Menjadi lebih bijak dalam menangani hubungan manusia.
 - Menambahkan keyakinan saya.
 - Kesedaran agar tidak boleh mementingkan diri sendiri.
 - Kesedaran agar sentiasa senyum dengan orang lain.
 - Kesedaran agar sentiasa mendengar cerita orang lain supaya disukai.
 - Memberi idea dan pengajaran yang lebih menarik dan berkesan.
 - Membantu dan memberi idea bagi cara-cara untuk membina bahan-bahan BBM.

2. Cadangan penambahbaikan ceramah menggunakan Kit HB&K:
- Selitkan tayangan video
 - Menambah ilustrasi
 - Masa yang lebih panjang member ceramah
 - Tambahkan lagi kandungan
 - Memberi langkah-langkah membina Kit HB&K
 - Dikongsi di sekolah-sekolah
 - Kit yang lebih tahan lama dan boleh dijual di pasaran

Berdasarkan semakan jawapan kepada soalan jenis terbuka, pemerhatian, temu bual dan borang maklum balas yang dilaksanakan, penggunaan kaedah ceramah menggunakan Kit HB&K telah berjaya membantu dua orang para pelajar *introvert* dan 20 orang pelajar yang lain memupuk sikap bekerjasama dalam kumpulan dengan baik. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian, mereka sangat bersetuju dengan kaedah ceramah menggunakan Kit HB&K bagi memupuk sikap bekerjasama mereka dalam kumpulan.

REFLEKSI PEMBELAJARAN

Penilaian Kaedah Pengumpulan dan Penyemakan Data

Kaedah mengumpul data yang digunakan amat penting kerana ia berkaitan dengan kesahan data yang dikumpul dan disemak. Kelebihan triangulasi antara kaedah merupakan gabungan pemerhatian, borang maklum balas, temubual tidak berstruktur dan dokumen, meningkatkan kesahan data yang mampu membuktikan bahawa penggunaan ceramah menggunakan Kit HB&K adalah berkesan. Triangulasi antara kaedah turut mengabungkan data kualitatif dan kuantitatif (borang maklum balas).

Manakala, triangulasi sumber memberi kesempatan kepada saya untuk berinteraksi dengan pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang hubungan etnik dan komunikasi interpersonal yang mempunyai perkaitan rapat dengan pemupukan tingkah laku bekerjasama bagi mendapatkan pandangan bernas beliau. Ini mewujudkan keyakinan terhadap data yang dikumpul, disemak dan diinterpretasi. Kekuatan triangulasi sumber yang saya perolehi daripada seorang pensyarah Jabatan Sains Sosial, IPGK BL adalah kerana selain mendapat khidmat nasihat dan pandangannya mengenai catatan tingkah laku bekerjasama, beliau turut hadir sendiri ke kuliah saya semasa aktiviti berkumpulan dilaksanakan.

Pembelajaran Kendiri

Saya telah mempelajari beberapa kaedah mengumpul dan menyemak data melalui penyelidikan tindakan ini. Sebelum ini, saya hanya mengetahui kaedah mengumpul data melalui borang soal selidik dan mengambil gambar sebagai eviden masalah tingkah laku dan pemupukan tingkah laku pelajar.

Mohd Richard Neles Abdullah/ Kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian penggunaan Kit HB&K bagi memupuk kerjasama pelajar PISMP-PJJ

Setelah mempelajari lebih lanjut mengenai penyelidikan tindakan, saya telah menggunakan triangulasi antara kaedah dan triangulasi sumber untuk meningkatkan kesahan data.

Selain itu, pelbagai kaedah dan teknik perlu dipraktikkan mengikut kesesuaian agar para pelajar mendapat impak sewajarnya dalam P&P. Saya sebagai seorang pendidik guru juga perlu mempelbagaikan teknik pengajaran saya bagi meningkatkan amalan sendiri sebagai seorang pensyarah. Kejayaan aktiviti P&P yang saya laksanakan akan dapat diketahui evidennya melalui kaedah mengumpul dan menyemak data dalam PT berkaitan.

CADANGAN KITARAN SETERUSNYA

Bagi kajian selanjut, saya akan menambah baik dari segi penggunaan triangulasi masa sebagai kaedah menganalisis data memandangkan tempoh masa yang agak panjang dari segi pelaksanaan P&P bagi pelajar PISMP sepenuh masa. Pada kali ini saya tidak dapat menggunakan triangulasi masa kerana tempoh masa interaksi dengan pelajar PISMP-PJJ yang sangat pendek. Walau bagaimanapun, saya akan terus mengekalkan penggunaan triangulasi kaedah dan sumber sebagai kaedah mengumpul dan menyemak data bagi melaksanakan penyelidikan tindakan saya yang seterusnya nanti.

Bagi tujuan penambahbaikan kepada penggunaan Kit HB&K untuk amalan P&P, saya akan menggunakan Buku Amalan HB&K yang ditulis sendiri iaitu mengadaptasi Kit HB&K. Ini akan memudahkan pelaksanaan tindakan kitaran PT saya yang seterusnya.

RUJUKAN

- Carnegie, D. (2010). *Bagaimana Memenangi Hati Kawan dan Mempengaruhi Orang Lain*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Chuah, K. H. (2005). Pelaksanaan penyelidikan tindakan (PT) pendidikan: menyingkap isu metod. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan tahun 2005*, 138-146. Dimuat turun dari http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminar_papers/SemAR2005/
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S (2011). *The Sage handbook of qualitative research*. USA: Sage Publication..
- Dra. M.M Nilam Widtarani (2011). *Membangun hubungan antara manusia*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Ebbutt, D. (1985). Educational action research: Some general concerns and specific quibbles. In R. Burgess (Ed.) *Issues in educational research: qualitative methods* (m.s. 142-160). Lewes: The Falmer Press.

Mohd Richard Neles Abdullah/ Kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian penggunaan Kit HB&K bagi memupuk kerjasama pelajar PISMP-PJJ

- Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat & Abdul Razak Zakaria. (2013). Transformasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran mengenai kemahiran membuat hipotesis dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 47-57.
- Fotion, N. (2000). *John Searle: Philosophy of language*. U.K.: Acumen Publishing.
- Hopkin, D. (2008). *A teacher's guide to classroom research*. Dimuat turun dari <http://www.slideshare.net/malingall/ulasan-buku-edit-2731111>.
- Maxwell, J. C (2011). *The 21 indispensable qualities of a leader*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- McNiff, J. (2002). *Action research for professional development: Concise advise for new and experienced action researchers*. Dorset: September Books. Dimuat turun dari http://www.waikato.ac.nz/tdu/pdf/booklets/24_AR.pdf
- Mohd Richard Neles Abdullah. (2014). Penggunaan buku 'Bagaimana Memenangi Hati Kawan & Mempengaruhi Orang Lain' bagi memupuk kerjasama kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPGK BL*, 8, 25-36.
- Noor Azean Atan & T. Komate Tambai @ Muniandy. (2008). *Penerimaan pelajar terhadap penggunaan modul pembelajaran sendiri berasaskan reka bentuk Teori Beban Kognitif bagi subjek Pengaturcaraan Web*. Dimuat turun dari <http://eprints.utm.my/11893/1>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran akses sendiri*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Dimuat turun dari http://www.moe.gov.my/bpk/bsk/bpanduan/akses_kendiri.pdf
- Rusli Ahmad, Hasbee Usop, Azman Ismail, Sopian Bujang & Nur Naha Abu Mansor (2014). *Conducting research in social sciences and management studies*. Kuching: RS Publishing House.